



DIKELUARKAN OLEH JABATAN MUFTI PERLIS

MENGENALI BULAN-BULAN HARAM

(TEKS KHUTBAH JUMAAT KHAS PPN 4 FEBUARI 2022)

MENGENALI BULAN-BULAN HARAM

(TEKS KHUTBAH JUMAAT KHAS PPN 4/2/2022)

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ
إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ. أَمَّا بَعْدُ، فَإِنَّ
أَصْدَقَ الْحَدِيثِ كِتَابُ اللَّهِ، وَخَيْرَ الْهَدْيِ هَدْيُ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ،
وَشَرُّ الْأُمُورِ مُحَدَّثَاتُهَا، وَكُلَّ مُحَدَّثَةٍ بِدْعَةٌ، وَكُلَّ بِدْعَةٍ ضَلَالَةٌ، وَكُلَّ ضَلَالَةٍ فِي
النَّارِ.

Sidang Jumaat Yang Berbahagia,

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah, dengan mentaati segala perintahnya dan meninggalkan segala larangannya, kita bersyukur kepada Allah kerana kita dapat hidup dengan aman dan damai. Mudah-mudahan dengan nikmat tersebut kita dapat melaksanakan ibadat kepada Allah serta menjadi seorang mukmin yang berjaya di dunia dan di akhirat. Sidang jumaat yang dikasihi sekalian, tajuk khutbah kita pada hari ini ialah; **MENGENALI BULAN-BULAN HARAM**

Sidang Jumaat Yang Di Kasihi Allah Sekalian ,

Hari ini kita berada pada hari kedua bulan Rejab, bagi tahun 1443 Hijrah. Bulan Rejab termasuk salah satu bulan dari bulan-bulan haram (yakni bulan-bulan yang di hormati) didalam Islam. Allah SWT berfirman dalam surah attaubah ayat 36;

إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ السَّمَوَاتِ
وَالْأَرْضَ مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرُمٌ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ ﴿٣٦﴾

Maksudnya; "*Sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi (hukum) Allah ialah dua belas bulan, (yang telah ditetapkan) dalam Kitab Allah semasa ia menciptakan langit dan bumi, di antaranya empat bulan yang dihormati. Ketetapan yang demikian itu ialah ugama yang betul lurus,*

Dan nama bulan-bulan haram tersebut ialah sepertimana yang tersebut didalam satu hadis yang telah diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari, Nabi SAW telah bersabda:

الزَّمانُ قَدْ اسْتَدَارَ كَهَيْئَتِهِ يَوْمَ خَلَقَ اللَّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ السَّنَةُ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا
مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرُمٌ ثَلَاثَةٌ مُتَوَالِيَاتٌ ذُو الْقَعْدَةِ وَذُو الْحِجَّةِ وَالْمُحَرَّمُ وَرَجَبُ الْمُضَرِّ الَّذِي
بَيْنَ جُمَادَى وَشَعْبَانَ

Ertinya; "*Waktu itu telah berputar sebagaimana biasa sejak Allah menciptakan langit dan bumi. Satu tahun ada 12 bulan, di antara 12 bulan tersebut ada 4 bulan haram; 3 bulan datang berturut-turut, iaitu **Dzulqa'dah, Dzulhijjah, Muharram, dan satu lagi adalah Rejab** yang terletak di antara bulan Jumadil (Akhir) dan Sya'ban*".

Sidang Jumaat Yang Dikasihi Allah,

Bulan-bulan haram ini mempunyai beberapa kelebihan berbanding bulan-bulan yang lain. Bulan-bulan haram adalah bulan di mana Allah SWT akan menggandakan pahala bagi setiap amalan yang kita lakukan dalam bulan-bulan tersebut. Sepertimana yang disebut oleh Ibn Abbas RA; *Bahawa setiap kezaliman yang dilakukan di dalam*

bulan-bulan Haram ini, dosanya adalah lebih besar berbanding bulan-bulan lain. Begitu juga, amal soleh yang dilakukan juga adalah lebih besar (pahala) berbanding bulan-bulan yang lain.

Untuk itu, marilah sama-sama kita mempertingkatkan amalan kita seperti melaksanakan solat sunat, puasa sunat, bersedeqah dan lain-lain amalan yang soleh. Melakukan amalan kebaikan pada bulan haram, tidak seperti melakukan kebaikan pada bulan yang lain, kerana ia akan diberi ganjaran pahala yang berganda. Melakukan amalan kejahatan pada bulan ini tidak seperti melakukan kejahatan pada bulan lain kerana ia sangat keras ancamannya serta dilipat gandakan dosanya, sepertimana Allah SWT berfirman;

فَلَا تَظْلِمُوا فِيهِنَّ أَنْفُسَكُمْ

Maksudnya; “Maka janganlah kamu menganiaya diri kamu dalam bulan-bulan yang dihormati itu (dengan melanggar larangannya)”. (Surah Attaubah, Ayat ;36)

Al-Imam Ibnu Kathir telah menjelaskan maksud ayat ini; ***Yakni dalam bulan-bulan haram tersebut, janganlah kamu menzalimi diri-diri kamu (dengan berbuat maksiat), kerana dalam bulan-bulan haram tersebut dosanya jauh lebih berat berbanding hari-hari yang lainnya. Ini adalah sebagaimana perbuatan maksiat yang dilakukan di tanah haram (di makkah) lebih berat dosanya, maka demikian dengan dosa-dosa yang dilakukan pada bulan-bulan haram, maka dosanya adalah lebih berat juga”.***

Oleh itu, hendaklah kita berusaha bersungguh-sungguh menjauhi segala dosa dan maksiat di bulan Rejab ini. Marilah kita memperbanyakkan amalan kebaikan di dalam empat bulan yang mulia ini. Iaitu dengan memperbanyakkan solat sunat yang telah sedia ada seperti solat Dhuha, Rawatib, melazimi solat Tahiyatul Masjid dan sebagainya. Berpuasa juga dibenarkan sepertimana yang telah diajarkan Nabi SAW iaitu puasa Isnin Khamis, puasa hari-hari putih, tetapi jika kita ingin lebih memperbanyakkan puasa, maka puasalah seperti puasa Nabi Daud AS iaitu puasa berselang hari, Lakukanlah amalan-amalan ini dengan bersungguh-sungguh dan menepati petunjuk Nabi SAW.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Telah tersebar di kalangan kita pelbagai hadis yang tidak sahih atau palsu tentang kelebihan amalan-amalan tertentu di bulan rejab ini, melalui aplikasi media sosial, seperti WhatsApp, facebook, instagram dan sebagainya, antara ialah seperti berikut;

Yang Pertama; Malam pertama Rejab adalah malam diterima doa. Ini diambil daripada hadis yang palsu. Ketahuilah bahawa, tiada satupun hadis sahih yang menyebutkan tentang doa yang mustajab pada malam pertama dalam bulan Rejab. Allah mungkin mengkabulkan doa pada malam pertama Rejab seperti malam-malam yang lain. Tiada hadis khusus yang menyebut doa malam pertama Rejab.

Yang Kedua; Kelebihan melaksanakan solat al-Raghāib . Solat Raghāib (الرَّغَائِب) ialah solat sunat khas yang dilakukan pada malam Jumaat pertama bulan Rejab. Mereka mendakwa beberapa kelebihan solat ini berdasarkan hadis yang mereka jadikan sandaran. Di dalam Kitab al-Majmu` Imam Al-Nawawi berkata; ***Solat yang dikenali dengan solat al-Raghāib, iaitu solat 12 rakaat yang didirikan di antara Maghrib dan Isyak pada malam pertama hari Jumaat dalam bulan REJAB, serta solat pada malam Nisfu Sya`ban sebanyak 100 rakaat, ini adalah dua solat yang bidaah, munkar dan sangat buruk.***

Yang Ketiga; ‘Istigfar Rejab’. Istiqfar (memohon keampunan kepada Allah) memang digalakkan sepanjang masa dan merupakan salah satu amalan soleh. Namun, tidak ada apa yang disebut sebagai **Istigfar Rejab. Hadis yang palsu menyebut; "Sesiapa yang menulis atau menggantung atau membawa atau membaca istighfar Rejab maka ia akan mendapat pahala sebanyak 80, 000 pahala para Nabi".** (hadis ini palsu, bukan dari Nabi SAW).

Sidang Jumaat Yang Dikasihi Sekalian,

Bulan haram adalah bulan meninggalkan dosa dan beramal soleh. Pun begitu, penting untuk kita pastikan amalan-amalan itu benar-benar bersumberkan dari sumber yang sahih. Allah SWT berfirman dalam surah Al-Hasyr ayat 7;

وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا^ج وَاتَّقُوا اللَّهَ^ط إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ

الْعِقَابِ ﴿٧٧﴾

Maksudnya; "**Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (S.A.W) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya maka patuhilah larangannya. dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksanya (bagi orang-orang yang melanggar perintahnya)**".

Dan Allah SWT berfirman dalam surah Ali Imran ayat 31;

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ

﴿٣١﴾

Maksudnya; **Katakanlah (Wahai Muhammad): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.**

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ وَحْدَهُ وَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَ أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَ عَلَى آلِهِ وَ صَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat Yang Dikasihi Sekalian,

Amalan bersedekah mempunyai beberapa kelebihan, antara ialah, sepertimana Rasulullah SAW bersabda :

مَا مِنْ يَوْمٍ يُصْبِحُ الْعِبَادُ فِيهِ إِلَّا مَلَكَانِ يَنْزِلَانِ فَيَقُولُ أَحَدُهُمَا اللَّهُمَّ أَعْطِ مُنْفِقًا خَلْفًا وَيَقُولُ الْآخَرُ اللَّهُمَّ أَعْطِ مُمْسِكًا تَلَفًا

Ertinya: "*Tidaklah para hamba (Allah) itu berpagi-pagi melainkan turun dua malaikat, lalu yang salah satunya berdoa: Ya Allah, berilah ganti kepada orang membelanjakan! (yang bersedekah) dan malaikat yang kedua (pula) berdoa: Ya Allah, berilah kebinasaan kepada yang bakhil! (yaitu tidak suka bersedekah)*". (Hadis Riwayat Muslim)

Oleh itu, hendaklah kita mendidik diri kita supaya menjadi hambanya yang pemurah dan suka bersedekah. Mudah-mudahan rezeki kita bertambah disebabkan bersedekah.

Sidang Jumaat Yang Dihormati Sekalian,

Sesungguhnya, Allah SWT berfirman dalam surah Al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا

تَسْلِيمًا

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah dan para malaikat berselawat ke atas Nabi, maka wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu berselawat dan salam ke atas Nabi.*

Nabi SAW bersabda dalam hadis yang sahih, daripada Anas Bin Malik RA;

مَنْ صَلَّى عَلَيَّ وَاحِدَةً صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ عَشْرًا ، وَحَطَّ عَنْهُ عَشْرَ خَطِيئَاتٍ

yang bermaksud ; *“Barangsiapa berselawat ke atas aku satu kali, maka Allah membalasnya (dengan merahmatinya dan Allah memberi ganjaran pahala kepadanya sebanyak) 10 kali dan (Allah) menghapuskan dosa-dosanya”*.(Hadis riwayat Al-Bukhari dalam Al-Adabulmufrad)

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ
الدَّعَوَاتِ وَقَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَ الْجُنُونِ وَ
الْجَذَامِ وَ مِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

Ya Allah! Ampunilah seluruh kaum muslimin sama ada yang hidup ataupun yang telah mati. Ya Allah! kami berlindung denganMu daripada penyakit sopak, penyakit gila, penyakit kusta dan penyakit-penyakit yang buruk.

Ya Allah! Berikan petunjuk hidayah serta rahmatMu kepada kami sekalian hamba-hambaMu dan kepada pemimpin kami terutamanya Raja pemerintah Negeri Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail dan Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail serta kaum kerabat Baginda, supaya sentiasa beramal dengan kitabMu dan sunnah nabiMu Muhammad SAW, dan Engkau lanjutkanlah usia baginda berdua dalam keadaan selamat, sihat sejahtera dan semoga dengan kesihatan yang baik yang telah Engkau kurniakan kepada baginda berdua, terlaksanalah pemerintahan yang adil lagi diredhai olehMu.

Ya Rahman, Ya Rahim! Kami memohon kepadaMu dengan segala kerendahan diri sebagai hambaMu, Engkau indahkanlah akhlak kami, Engkau perbaikilah

pergaulan antara kami. Engkau peliharalah kami dari penyakit lemah, malas, berfikiran dangkal dan buruk budi pekerti.

Ya Rahman, Ya Wadud, Engkau baikilah keluarga kami, anak isteri kami, saudara mara kami, jiran tetangga kami dan seluruh urusan mereka yang kami kasih. Engkau jadikanlah kami umat yang mempunyai ketinggian akal dan budi, mempunyai minda yang unggul dalam menguruskan kehidupan ini dan menjadi teladan yang baik kepada manusia yang lain.

Ya Allah! Jadikanlah Negeri Perlis ini sebagai negeri yang makmur, rakyatnya hebat, mantap, bermentaliti kelas pertama dalam tindakan, hidup bersih, bersatu padu dan dilimpahi berkat serta Rahmah dari sisimu. Engkau jauhkanlah kami dari bala dan kerosakan. Engkau tambahkanlah nikmatmu kepada kami. Engkau berikanlah kepada kami kebahagiaan hidup di dunia dan di hari akhirat.

رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ
بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.